



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 1 MAC 2024

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|----------------------------|---|---|
| 1. 2. 3. 4. 5. | KEMENTERIAN, MyCC SIASAT UNSUR KARTEL INDUSTRI BERAS, NASIONAL, BH -16 PENGGUNAAN DALAM TENDER MAKANAN KERAJAAN, LOKAL, HM -5 BAWA ISU KE DEWAN RAKYAT, LOKAL, HM -5 'INI KERJA MANIPULASI HARGA', LOKAL, HM -5 TIPU PENGGUNA SUDAH LAMA BERLAKU: PESAWAH, LOKAL, HM -5 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 6. 7. | DOG OWNER CHIDED FOR NEGLECTING PET, NATION, THE STAR -8 MAN FINED FOR DRAGGING CHAINED DOG, NATION, THE STAR -8 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) |
| 8. 9. | NELAYAN ASING GUNA BUBU NAGA, LOKAL, HM -10 PATI DICEKUP TANGKAP IKAN GUNA BUBU NAGA, KLANG, SH -26 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 10. | PELABUHAN LKIM CHENDERING BAKAL SIBUK, DALAM NEGERI, UM -32 | LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM) |
| 11. | ASNAF DIBANTU TANAM ROCK MELON, NEGARA, KOSMO -18 | LAIN-LAIN |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Sidang Dewan Rakyat

Kementerian, MyCC siasat unsur kartel industri beras

Beri kerjasama penuh sehingga siasatan selesai mengikut Akta Persaingan 2010

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) menyiasat dakwaan wujudnya unsur mafia atau kartel dalam industri padi dan beras.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata kerjasama itu membabitkan siasatan mengikut Akta Persaingan 2010.

"Kerjasama penuh akan diberikan kepada MyCC sehingga siasatan selesai dijalankan," katanya melalui jawapan bertulis yang di siarkan di laman web Parlimen semalam.

Beliau berkata demikian menjawab soalan Hassan Abdul Karim (PH-Pasir Gudang) yang menuntut penjelasan daripada menteri sama ada wujud unsur mafia dalam industri beras di Malaysia.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan cadangan untuk melaksana beras putih Malaysia MADANI mampu mengekang industri beras negara dari kawalan oleh pihak kartel.

Beliau berkata demikian mengulas gesaan Ketua Pemuda UMNO, Dr Akmal Saleh yang memintanya untuk tidak membenarkan cadangan beras putih Malaysia MADANI dilaksanakan kerana didakwa seperti menyokong perbuatan kartel yang mencampurkan beras tempatan dan beras import.

Padi dalam negara kurang

Mengenai soalan Hassan ke mana perginya beras tempatan sehingga orang ramai berdepan kekurangan mendapatkan bekalan, Mohamad berkata, kenaikan harga beras import akibat tekakan daripada ketidakstabilan harga beras global, dasar negara pe-



Mohamad Sabu,
Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan

“Disebabkan perbezaan harga yang ketara di antara beras tempatan dengan import, terdapat peningkatan permintaan yang berterusan terhadap beras tempatan untuk kegunaan isi rumah”

ngeksport dan kemerosotan ringgit mempengaruhi kenaikan harga beras import dan kekurangan hasil pengeluaran padi dalam negara.

“Disebabkan perbezaan harga yang ketara di antara beras tempatan dengan import, terdapat peningkatan permintaan yang berterusan terhadap beras tempatan untuk kegunaan isi rumah.”

“Faktor lain dikenal pasti juga mempengaruhi kestabilan bekalan beras tempatan di pasaran awam, iaitu pembelian tinggi oleh pengusaha kedai makanan dan restoran, serta pihak industri yang mengeluarkan produk sampingan beras, penggunaan beras di dalam tender-tender makanan kerajaan dan beras sebagai medium pembayaran zakat,” katanya.

Beliau berkata, pada kadar sa- ra diri beras 62.6 peratus, pengeluaran beras semasa di dalam negara tidak dapat menampung keperluan tempatan.

Dog owner chided for neglecting pet

By **NURBAITI HAMDAN**
nurbaiti@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: The owner of a dog, that was hit by his neighbour, has been fined RM15,000 by the Ampang Sessions Court here for failing to take care of the animal's welfare.

Sessions Court judge Wan Mohd Norisham Wan Yaakob meted out the sentence on Yee Chan Fai, 37, after he pleaded guilty to failing to take reasonable steps to ensure that the needs of the animal were fulfilled, until the animal was injured at a house in Taman Saga, at 9am on May 24, 2022.

Yee, who worked as a mechanic, was charged under Section 24 (1)(a)(v) of the Animal Welfare Act 2015, punishable under Section 24 (3) of the same Act.

The law provides for a minimum RM15,000 fine and up to

RM75,000 or a maximum of two years in jail or both, upon conviction.

The court also ordered Yee to serve three months in jail if he fails to pay the fine.

Before passing the sentence, Wan Mohd Norisham said that as an animal owner, Yee should have put his dog on a leash within his home compound to prevent it from hurting people.

"Animals cannot talk. You are not supposed to abuse and neglect it. The dog is yours, yet you left the gates open until it ran out and injured other people.

"In this case, the complainant is the victim who got hurt by the dog. The victim also suffered loss when he had to pay fines (for hurting the dog). The dog ended up injured because of your negligence," Wan Mohd Norisham said here yesterday.



Facing the law: Yee pleaded guilty to failing to take reasonable steps to ensure that the needs of his dog were fulfilled. — Bernama

Prosecuting officer from the Selangor Veterinary Services Department, Mohd Sharif Sabran, asked the court to mete out a heavy sentence against Yee on the grounds of public interest and to serve as a lesson to other dog owners.

"The complainant had been fined RM23,000 for hitting the dog. That does not include his legal fees and his medical costs. I

ask the court to consider this factor," Mohd Sharif said.

Lawyer Wan Nur Affiah Che Bakar, who represented Yee, however, asked for a lenient sentence as her client had to support his parents, sister and two children aged six and eight.

"Yee had never been convicted before. He is remorseful and promises not to repeat the mistake," she said.

Man fined for dragging dog

Business owner also jailed a day for animal cruelty

By LO TERN CHERN
andylo@thestar.com.my

BUKIT MERTAJAM: A 46-year-old durian plantation and landscaping business owner has been sentenced to one day's jail and fined RM12,000 in default six months' jail by the Magistrate's Court here for dragging a dog on the road using a motorcycle.

Tan Chee Keong (*pic*) pleaded guilty to causing pain to the dog by dragging it with a 182cm chain in Taman Sukun Indah here at 12.06am on Nov 21 last year.

He served the one-day jail term yesterday and paid the fine.

He was charged under Section 44(1)(d) of the Animal Act 1953, which carries a fine of up to RM50,000, up to a one-year imprisonment, or both, upon conviction.

The charge was read to Tan in



Hokkien by a court interpreter before he acknowledged and pleaded guilty before magistrate Mohd Harith Mohd Mazlan yesterday.

During the proceedings, various pieces of evidence were presented in court, including video footage of the incident.

In mitigation, lawyer Anas Hakimi from the National Legal Aid Foundation said Tan, who has an eight-year-old child to support,



In safe hands: The dog was injured in the incident but has now recovered and is under the state Veterinarian Department's care. — ZHAFARAN NASIB/The Star

has been without an income for two months.

He said Tan has stopped working as he was still traumatised over the incident. Deputy public prosecutor Roziman Awang Tahrin from the state Veterinary Department prosecuted the case.

It was believed that Tan was attempting to dispose of the dog from his premises when the incident was recorded on a video.

The latest case followed two similar incidents of dog abuse.

In August last year, food stall

owner Chok Boon Kwong, 61, was fined RM20,000 after he pleaded guilty to tying a pet dog to his car and dragging it along a road at Kampung Sri Parit in Lukut, Port Dickson, Negri Sembilan, for 2km.

The canine eventually died of its injuries. In April last year, an 18-year-old student pleaded guilty to setting a dog on fire in Johor Baru, a month earlier.

Braden Yap was ordered by the Sessions Court to be canted lightly seven times in open court and placed on a good behaviour bond

for one year with a surety of RM10,000.

In May, the caning was revoked by the High Court, which found that under the law concerned, two sentences cannot be imposed on an accused.

Yap was ordered to undergo only the good behaviour bond.



WATCH THE VIDEO
TheStarTV.com

'RAMPAS' HASIL NELAYAN TEMPATAN

Nelayan asing guna bubu naga



EMPAT nelayan warga asing besama dua bot ditahan di kedudukan kira-kira satu batu nautika barat daya Tanjung Karang, Melmarin.

Oleh Amirul Aiman Hamsuddin
am@hmetro.com.my

Tanjung Karang

Semakin ramai pendatang tanpa izin (PTI) dikesan menyusup dalam sektor perikanan dan 'merampas' perikanan yang sebelum ini didominasi warga tempatan nelayan. Terbaru empat nelayan warga asing diberkas Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Selangor ketika sedang menangkap ikan di perairan Tanjung Karang Melmarin. Pengarah Maritim Selangor, Kepten Maritim

Abdul Muhaimin Muhammad Salleh berkata, semua warga asing itu ditahan ketika menggunakan peralatan menangkap ikan diluar jatu bubu naga.

Beliau berkata, kedua-dua bot digunakan nelayan warga asing itu tidak nombor pendaftaran. "Hasil pemeriksaan mendapati, setiap bot memiliki tiga set bubu naga bernilai RM900.

"Bot berwarna putih dan merah dikendalikan dua warga Myanmar manakala sebuah lagi bot berwarna merah dan biru ppta dikendalikan dua warga Indonesia," katanya.

Abdul Muhaimin berkata, kesemua suspek berusia 40, kesemua suspek berusia pesisir pantai, katanya.

lingkungan 22 hingga 31 tahun didapati tidak memiliki dokumen pengenalan diri yang sah. Menurutinya, kedua-dua bot disita sebelum dibawa ke jeti Polis Marin Pulau Indah untuk diserahkan kepada pegawai penyiasat Maritim Malaysia bagi siasatan lanjut.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 11(3)(c) Akta Perikanan 1985 dan Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63.

"Penggunaan bubu naga bukan sahaja menyahbi undang-undang, bahkan menjejaskan ekosistem laut dan sumber pendapatan nelayan tradisional pesisir pantai," katanya.

PATI dicekup tangkap ikan guna bubu naga



PATI memulakan bubu naga digunakan mereka untuk menangkap ikan secara haram di perairan Klang.

Penggunaan pukuk tersebut diharamkan dan menyalaahi undang-undang

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI KLANG

Kegiatan empat percidatang bubu tanpa izin (PATI) menggunakan bubu naga di perairan Klang di sini, membawa padah apabila ditahan pihak berkuasa. Penguatkuasaan Maritim Selangor, Maritim Klang, Maritim Langgar, Kapten Maritim Abdul Muhammad Muhammad Salleh berkata, ketika sedang melakukan rondaan, pihaknya mengesan dua bot gertian kaca di dalam perairan. Setelah pemeriksaan, bot ini dijumpai pada Selangor. "Maritim Selangor kemudiannya bertindak menahan bot untuk pemeriksaan dan mendapati kedua-dua bot tersebut tidak mempunyai pendaftaran. "Masing-masing bot ini masing-masing didapati memiliki tiga set bubu naga yang dikemaskan bernilai RM300," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis. Menurut Abdul Muhammad, bot berkenaan dikendalikan masing-



Dua PATI ditahan Maritim Selangor selepas dikesan menangkap ikan menggunakan bubu naga.

masing oleh dua warga Myanmar dan dua warga Indonesia.

"Pemeriksaan lanjut mendapati semua suspek berusia lingkungan 22 hingga 30 tahun tidak mempunyai dokumen pendaftaran diri sah.

"Mereka kemudiannya ditahan dan disiasat mengikut Seksyen 113(c) Akta Puncaknisan, 1985 dan Seksyen 6(1)(c) Akta Puncaknisan 1983.

Dalam pada itu, Abdul Muhammad berkata, penggunaan bubu naga adalah menyalaahi undang-undang, malah menyelesaikan ekosistem laut dan sunn pesertanya nelayan tradisional pesertanya.


Menurutnya, Maritim Selangor sentiasa komited meneken operasi dan rondaan di sepanjang perairan negeri bagi membantertas Keselamatan dan pelanggaraan undang-undang.



Maritim Selangor memulakan bot digunaan PATI untuk menangkap ikan menggunakan bubu naga di perairan Klang.

"Sebarang maklumat dan insiden kecamasan di laut, orang ramai boleh menyalurkannyanya ke MERS 995 atau hubungi Pusat Operasi Maritim Selangor untuk maklumat balas segera," kata beliau.

| | | | |
|---------------|-----------------|----------------|-------------------|
| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| 1/3/2024 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 32 |



KEADAAN Pelabuhan LKIM Chendering, Kuala Terengganu yang semakin cetek sehingga menyukarkan nelayan bot laut dalam mendaratkan hasil tangkapan. - UTUSAN/PUOTRA HAIRRY ROSLI

Pelabuhan LKIM Chendering bakal sibuk

Oleh OLEH Zaid MOHD. NOOR
zaid.noor@medianullia.com.my

KUALA TERENGGANU: Pelabuhan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Chendering di sini dijangka kembali sibuk dan bertukar menjadi pusat peredaran ikan utama di negeri pemecah ombak dan infrastruktur di pelabuhan tersebut siap tidak lama lagi.

Pengerusi LKIM, Muhammad Faiz Fadzil, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah memulakan kerja-kerja penilaian dan kajian terhadap projek tersebut selepas kerajaan meluluskan peruntukan sebanyak RM192 juta untuk membangunkan projek tersebut pada tahun lalu.

Menurutnya, peruntukan tersebut melihatkan kerja-kerja mendalamkan pelabuhan, menaik taraf pemecah ombak serta kompleks pelabuhan untuk kesesuaian nelayan.

Katanya, pada masa ini, pelabuhan tersebut semakin cetek dan sempit sehingga jumlah bot nelayan yang mendaratkan ikan semakin berkurangan.

"Kajian menaik taraf pemecah ombak itu dilakukan selepas pemecah ombak yang dibina sebelum ini tidak berkesan apabila berlaku mendapan pasir sehingga menyebabkan pelabuhan menjadi cetek.

"Kajian tersebut untuk memastikan projek menaik taraf pemecah ombak itu benar-benar berkesan dalam menyelesaikan masalah mendapan pasir di

pelabuhan berkenaan," katanya ketika dibubungi *Utusan Malaysia* di sini, semalam.

Muhammad Faiz memberitahu, kebanyakan bot nelayan di Kuala Terengganu terpaksa mendaratkan ikan di pelabuhan lain seperti di Dungun dan Kuantan, Pahang.

Utusan Malaysia sebelum ini melaporkan nelayan-nelayan di Kuala Terengganu mendesak kerajaan supaya segera melaksanakan kerja-kerja mendalamkan pelabuhan tersebut yang semakin kritikal.

Pemilik bot laut dalam paling terkesan kerana tidak dapat menggunakan kemudahan yang disediakan di pelabuhan itu untuk mendaratkan hasil tangkapan sehingga terpaksa didaratkan di pelabuhan lain.



MOHD. HAFIZ (kiri) dan Mohamad Afiq (kanan) menunjukkan rock melon yang sedia untuk dituai ketika ditemui di Pontian semalam.

Asnaf dibantu tanam rock melon

PONTIAN – Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) Daerah Pontian membantu tiga asnaf mengusahakan tanaman buah rock melon dalam usaha mengeluarkan mereka daripada kemiskinan.

Fauzi Md. Yunus, 36, Ilahi Zakaria, 40, dan Mohamad Afiq Ahmad, 38, dibimbing oleh mentor, Mohd. Hafiz Mohd. Zin, 36, yang mahir dalam bidang tanaman tersebut dengan menggunakan kaedah fertigasi.

Menurut Mohd. Hafiz, projek di kawasan seluas 0.4 hektar itu bermula pada Disember lalu.

“Walaupun penjagaan tanaman rock melon agak rumit, na-

mun peserta memberikan kerjasama yang baik.

“Saya juga memiliki kebun sayur-syuran di Kampung Sri Butian dan Kampung Api-Api yang menggunakan kaedah sama.

“Apabila mendapat tawaran MAINJ, saya terima pelawaan ini dan mengambil tanggungjawab membantu golongan asnaf di daerah Pontian ini,” katanya ketika ditemui di MAINJ Daerah Pontian, di sini semalam.

Tambah Mohd. Hafiz, tempoh penuaian rock melon mengambil masa 70 hari dan dengan setiap sebiji beratnya mencecah dua kilogram (kg) atau lebih.

Buah itu boleh dibeli secara terus di ladang atau melalui Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di Pontian.

Jelas beliau, mentor memainkan peranan penting memberi tunjuk ajar kepada peserta sehingga mereka berjaya membuka kebun masing-masing.

“Yang penting mereka perlu mempunyai minat dalam bidang pertanian dan bersedia untuk belajar,” ujarnya.

Sementara itu, Mohamad Afiq berkata, dia bersyukur kerana dipilih menyertai program tersebut yang merupakan projek rintis di daerah Pontian.